

### 1. Ringkasan Kempen

Kempen 'Akaun Simpanan Imteen/-i #UntukMu ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142 (3813-K)) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411 (787435-M)) ("Bank" secara kolektif). Kempen ini adalah terbuka untuk Pelanggan yang layak seperti ditakrifkan dalam klausa 3b di bawah melalui "program pemilihan rawak" dan tertakluk kepada terma dan syarat yang tertera.

### 2. Tempoh Kempen

Tempoh Kempen bermula daripada 25 Mei 2022 sehingga 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").

### 3. Mekanisma Kempen

- a. Untuk menyertai Kempen ini, tiada pendaftaran diperlukan. Semua pelanggan yang layak seperti ditakrifkan di bawah akan menyertai Kempen ini secara automatik.
- b. Untuk menyertai Kempen ini, pelanggan yang layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:
  - i. Berumur 12 tahun sehingga bawah 18 tahun;
  - ii. Buka Akaun Penyertaan dalam Tempoh Kempen (Disertakan Surat Akaun Ganti Rugi yang disahkan oleh ibu bapa pemohon);
  - iii. Akaun Penyertaan harus aktif sepanjang Tempoh Kempen; dan
  - iv. Mengekalkan Baki Purata Harian (BPH) sebanyak RM100 di dalam Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen.

(selanjutnya ditakrifkan sebagai "Pelanggan yang layak")

- c. Untuk mengelakkan keraguan, jenis-jenis pelanggan yang berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
  - i. Pelanggan bukan individu e.g. syarikat, persatuan, perkongsian, organisasi tidak berasaskan keuntungan.
  - ii. Semua kakitangan Bank dan anak syarikat Bank.

### 4. Jenis Akaun Penyertaan

Terdapat 2 jenis akaun yang layak untuk menyertai Kempen ini:-

- a. Akaun Konvensional
  - i. Imteen
- b. Akaun Islamik
  - i. Imteen-i

Tertakluk kepada terma dan syarat produk.

*Nota: Akaun simpanan Imteen dan Imteen-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.*

## 2 | Terma dan Syarat: Akaun Simpanan imteen/-i #UntukMu

### 5. Hadiah Kempen

Kempen ini menawarkan hadiah wang tunai seperti berikut:

a. Hadiah untuk pemenang

- i. Hadiah wang tunai sebanyak RM20,000 sedia untuk dimenangi melalui program pemilihan rawak.

*Bulan	Hadiah	Jumlah pemenang**	Jumlah Hadiah
Mei - Jun	RM100	50	RM5,000
Jul - Sep	RM100	50	RM5,000
Okt - Dis	RM100	100	RM10,000
Jumlah Keseluruhan		200	RM20,000

- Pemenang akan diumumkan setelah tamat tempoh bulan\*.
- Pemenang akan diumumkan melalui laman web M2U.
- Hadiah akan dikreditkan ke akaun penyertaan dalam tempoh 60 hari setelah pengumuman.

*\*\*Pemenang daripada bulan sebelumnya masih berpeluang untuk menang hadiah wang tunai jika memenuhi kriteria kempen.*

- b. Keputusan Bank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.

#### Terma & Syarat Umum

1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
2. Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Bank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak difahami sepenuhnya.
4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("Notis Privasi Kumpulan Maybank").

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma dalam Notis Privasi Kumpulan Maybank, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

i) tujuan Kempen ini; dan

ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Bank yang berkaitan dengan Kempen ini.

5. Bank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pegecualian berat oleh Bank.
6. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak berkenaan dengan penyertaan dalam Kempen ini. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat 'force majeure', termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan 'act of God', peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan

#### 4 | Terma dan Syarat: Akaun Simpanan imteen/-i #UntukMu

perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

7. Bank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
8. Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
9. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh menghantar emel kepada Bank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).